

## **BAB 4**

### **ANTI-KOLONIALISME**

#### **4.0 PENDAHULUAN**

Bab ini akan membuat analisis terhadap aspek anti-kolonialisme yang terungkap dalam novel-novel Ahmad Boestamam. Analisis daripada aspek ini akan mengupas kenapa dan bagaimana cara sikap individu atau kumpulan yang menentang atau memusuhi dasar atau amalan penjajah Inggeris dan Jepun di Tanah Melayu / Malaya<sup>33</sup>. Dalam konteks analisis, sikap individu atau kumpulan itu difokuskan khusus terhadap pengarang tersebut yang mencetuskan pemikiran politik berkaitan dengan aspek anti-kolonialisme.

Pengarang sebagai seorang sasterawan dan tokoh politik mempunyai bakat dan kepakaran dalam melahirkan mesej anti-kolonialisme yang memanipulasikan karya sastera terutamanya genre novel dalam menyalurkan pemikiran politik kepada masyarakat pembaca. Ini kerana genre novel merupakan sebahagian daripada wadah penyampaian pemikiran politik khasnya dari aspek anti-kolonialisme oleh sesetengah sasterawan Melayu

---

<sup>33</sup> Lihat Bab 2 hlm. 44-45

di negara ini terutamanya Ahmad Boestamam. Muhd. Yusof Ibrahim menyetujui pandangan ini seperti yang dinyatakannya dalam esainya: *"Some Aspects of intellectual in Malay literature from 1945-60 with particular emphasis on cerpen and sajak"* dengan mengatakan bahawa:

Novel telah terpilih sebagai media untuk mendedahkan, mempopularkan dan menyalurkan idea dan inspirasi individu penulis, kumpulannya, masyarakatnya atau bangsanya sama ada dalam bentuk politik, ekonomi dan kemasyarakatannya. Pada tahap terkemudian, novel – sebagai hasil penulisan kesusasteraan itu – dapat pula dijadikan saluran untuk meneliti keintelektualan Melayu ( *Dinamika* 1975 Januari 8: 45)

Walaupun novel dianggap sebagai media untuk menyalurkan idea politik bagi individu seperti Ahmad Boestamam, tetapi suntikan mesej anti-kolonialisme itu, dilihat tidak berupaya membangkit atau mencetuskan revolusi untuk menentang penjajah secara *extreme* tetapi kesan halus daripadanya tetap tidak dapat disangkal” Ini diakui oleh Shamsul Amri Baharuddin melalui esainya berjudul “Robohkan Dinding Pemisah Sastera dan Politik” yang menyebut:

*Walaupun kita jarang bertemu dengan karya sastera yang secara langsung telah mencetuskan revolusi dan menumbangkan pemerintahan kolonial, ini tidak berarti sastera tidak ambil bahagian dalam politik penentangan terhadap penjajahan. Mungkin bentuk penglibatan sastera tidak menimbulkan kesan yang extreme, seperti revolusi berdarah, tetapi dengan cara yang lebih halus dan kurang dirasakan namun tetap herbisa (Dewan Sastera, Julai 1988 : 41)*

Meskipun genre novel tidak mampu mencetuskan revolusi berdarah terhadap penjajah seperti yang diutarakan oleh Shamsul, tetapi hakikatnya menurut Ungku Aziz,

---

<sup>32</sup> Contohnya ketika Melaka berperang dengan Portugis Sultan Ahmad Shah menitahkan supaya *Hikayat Amir Hamzah* dan *Hikayat Muhammad Hanafiah* dibacakan kepada tentera Melaka bagi membangkitkan semangat perjuangan (lihat W.G. Shellabear (ed) 1978 *Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti hlm. 274 ) Ini jelas menggambarkan bahawa peranan karya sastera membangkitkan semangat untuk berjuang tetap tidak boleh dinafikan.

seseorang sasterawan yang berani, juga seorang peneroka masyarakat Melayu yang banyak memberi sumbangan idea baru kepada masyarakat (*Dewan Sastera*, Jun 1973:2). Pandangan ini nyata memihak kepada Ahmad Boestamam yang telah menyuntik semangat masyarakatnya untuk turut bangkit menentang penjajah. Walaupun mesej anti-kolonialisme yang dipancarkan menerusi teks kajian tidak berupaya mencetuskan revolusi berdarah, namun kehadirannya (mesej anti-kolonialisme) sedikit sebanyak memberikan keinsafan kepada masyarakat bahawa kehadiran penjajah di bumi sendiri tidak wajar dibiarkan, sebaliknya mesti dinyahkan.

Lantaran itu Ahmad Boestamam telah menggunakan novel sebagai saluran terbaik bagi menyampaikan mesej perjuangan politik apatah lagi di zaman kolonial, gerakan militan dan aktiviti agresif menentang penjajah secara fizikal tidak dapat dilakukan dengan berkesan kerana halangan keras daripada penjajah menerusi pasukan keselamatan atau kekangan undang-undang yang mereka cipta.

Justeru novel dianggap sebagai saluran alternatif untuk menyampaikan mesej politik sama ada bercorak nasionalisme, anti-kolonialisme mahupun sosialisme dengan memaparkan wacana naratif yang dibaluti unsur-unsur estetika supaya mesej perjuangannya dapat dihayati oleh khalayak sasaran walaupun setiap sasterawan amat memahami bahawa genre itu tidak mampu membangkitkan kesan melampau ke arah revolusi – penentangan secara keras terhadap amalan penjajah yang mengamalkan feudalisme, imprealisme atau kolonialisme di sesebuah negara yang ditaklukinya.

Dalam konteks ini karya sastera khususnya genre novel dilihat hanya berupaya merakam aksi kolonial kemudiannya melahirkan reaksi anti-kolonial kerana setiap aksi

tentu ada reaksinya. Ini dijelaskan oleh Abdul Rahman Haji Abdullah (1994: iv) dengan menyatakan bahawa:

Kajian tentang tema anti-kolonialisme ini sejak lama dipengaruhi oleh pendekatan *Eurocentric* atau *Anglo-Centric* yang menganggap bahawa tokoh-tokoh anti-kolonial itu sebagai penderhaka atau lanun belaka. Dan kemudiannya dengan kebangkitan semangat nasionalisme, sebagai reaksi terhadapnya timbullah pendekatan *Asian-Centric* atau *Indo-Centric* mahupun *Malay-Centric* yang lalu menganggap bahawa para penentang itu tidak lain merupakan pejuang atau pahlawan bangsa. Pendeknya tema yang sama mendapat penilaian yang berbeza melalui perspektif atau pendekatan yang berbeza.

Bagi mengungkap reaksi anti-kolonial dalam novel-novelnya, Ahmad Boestamam sebagai nasionalis Melayu berhaluan kiri, mengaplikasikan pendekatan *Indo-Centric* [*Indonesian-Centric*] sebagaimana yang dijelaskan oleh Abdul Rahman Haji Abdullah ketika melahirkan wacana naratif berhubung dengan penyampaian mesej politik di dalam tujuh buah novel tersebut. Pengarang menggunakan pendekatan ini dengan cara mengangkat protagonis sebagai pejuang atau pahlawan bangsa.

Misalnya, dalam *Gelap Menjelang Terang* (1956) pengarang mengangkat Musa Hassan (Musafir Ehsan) sebagai pejuang kerana menentang penjajah Inggeris; *Kabus Pagi* (1958) Mokhtar yang dipenjarakan oleh penjajah Inggeris dijulung oleh pengarang sebagai hero manakala dalam *Pacar Merah Malaya* (1959) Rustam ditonjolkan sebagai pejuang bangsa meskipun protagonis ini menentang pemerintah iaitu penjajah Jepun.

Kajian mendapati bahawa kebanyakan novelnya menggunakan pendekatan *Indo-Centric* bagi menampilkan protagonis sebagai wira. Pengarang sengaja memilih pendekatan



*Indo-Centric* dan tidak menggunakan pendekatan *Malay Centric* walaupun beliau (Ahmad Boestamam) merupakan seorang nasionalis Melayu kelahiran tempatan.

Tujuan pengarang berbuat demikian adalah semata-mata untuk mempromosikan konsep Melayu Raya serta berslogankan “Merdeka dengan Darah” melalui API yang menjadi sebahagian daripada teras perjuangan politiknya dalam menentang Inggeris khususnya untuk menuntut kemerdekaan Tanah Melayu.

Jadi, untuk memahami dan menganalisis aspek anti-kolonialisme dalam karya tersebut, sejarah penglibatan Ahmad Boestamam dalam dunia politik tanah air serta lakaran zaman penjajahan Inggeris dan Jepun di Tanah Melayu sebagai teks sosial perlu ditinjau sepintas lalu sebagai sumber penilaian analisis yang boleh dihubungkan dengan teks kajian. Untuk permasalahan dalam analisis, pengkaji akan membahagikan perbincangan ini kepada tiga bahagian seperti berikut:-

- i Penjajahan di Malaysia: catatan sepintas lalu.
- ii Anti-kolonialisme terhadap Inggeris
- iii Anti-kolonialisme terhadap Jepun

Ketiga-tiga bahagian ini saling mempengaruhi dengan yang lain serta berkait-rapat dengan persekitaran dan aksi kolonial yang sekaligus membentuk sikap serta mencetuskan reaksi anti-kolonial di kalangan pribumi terhadap kolonialisme. Manakala bahagian kedua dan ketiga menyaksikan pengarang terlibat seraca langsung dalam proses penentangan penjajahan itu sendiri.

#### 4.1 PENJAJAHAN DI MALAYSIA: CATATAN SEPINTAS LALU

Siri penjajahan di Malaysia<sup>35</sup> amat panjang sekali bermula setelah kejatuhan Kerajaan Melayu Melaka pada 24 Ogos 1511 di tangan Portugis (Khoo Kay Kim 1987: 4). Penguasaan Portugis di Melaka berjalan selama 130 tahun sebelum ditumpaskan oleh Belanda pada tahun 1641. Kemudian menjelang abad ke 18 iaitu pada tahun 1786 Inggeris pula menguasai Tanah Melayu apabila Francis Light membuka Pulau Pinang (Joginder Singh Jessy 1975: 589).

Mulai tahun tersebut Inggeris menjajah negara ini sehingga ditumpaskan oleh Jepun tahun 1942. Tetapi Jepun sempat berkuasa ke atas Tanah Melayu selama tiga tahun setengah dan pada tahun 1945 Inggeris kembali berkuasa sehingga negara mencapai kemerdekaan pada tanggal 31 Ogos 1957 (Khoo Kay Kim 1987: 4) yang telah meninggalkan kesan sejarah dan emosi paling tebal di kalangan pribumi.

Ini bermakna Malaysia telah dijajah oleh kuasa asing selama 436 tahun yang sekaligus memperlihatkan aksi-aksi kolonial yang langsungnya mencetuskan reaksi anti-kolonial. Bertolak daripada reaksi anti-kolonial inilah maka timbul pula mesej anti-kolonialisme di dalam karya sastra<sup>36</sup> di Malaysia termasuk dalam novel-novel Ahmad Boestamam. Justeru di bawah ini dipaparkan secara kronologi ringkas aksi-aksi kolonial yang membentuk sejarah penjajahan di Malaysia sebagai di antara faktor-faktor penting ke arah kemunculan mesej anti-kolonialisme di dalam novel-novel Ahmad Boestamam.

---

<sup>35</sup> Sebelum ini dikenali sebagai Tanah Melayu atau Malaya. Pengkaji akan menggunakan nama Tanah Melayu / Malaya kerana kewujudan Malaysia ialah pada tarikh 16 September 1963. Manakala penggunaan nama Tanah Melayu / Malaya dirujuk terhadap Semenanjung Tanah Melayu tidak termasuk Sabah dan Sarawak.

<sup>36</sup> Contohnya *Nyawa Di Hujung Pedang* (Ahmad Murad Nasarudin-1946); *Sandera* (Arenia Wati -1974) dan *Pulanglah Perantau* (Aziz Jahpin-1974) (lihat Sahlan Mohd. Sernan 1995. *Novel Perang dalam Kesusasteraan Malaysia, Indonesia dan Filipina: Satu Perbandingan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka him.78).

#### 4.1.1 Aksi Kolonial Belanda

Belanda yang berjaya mengalahkan Portugis di Melaka telah meluaskan pengaruhnya ke atas negeri-negeri Melayu di pedalaman melalui kegiatan perdagangan. Contohnya, kewujudan Kota-kota Belanda di Pulau Pangkor dan di Tanjong Putus (Hilir Perak) serta mengadakan beberapa perjanjian dengan raja-raja Melayu (Khoo Kay Kim 1987: 4) merupakan bukti perluasan pengaruh Belanda di Tanah Melayu terutama dalam perniagaan pengeksporan bijih timah.

Namun demikian seperti juga Portugis, Belanda tidak pernah mencampuri urusan dalam negeri-negeri Melayu walaupun ia banyak terbabit dalam beberapa siri peperangan dengan kuasa-kuasa tempatan, misalnya perang Belanda-Bugis pada tahun 1784 (Abdul Rahman Haji Abdullah 1994: 32). Sebaliknya di Indonesia Belanda memerintah secara *de facto* ke atas wilayah jajahannya yang digelar *Dutch East Indies* (Hindia Timur Belanda) (K.S Jomo, *Pemikir* 2000 Oktober-Disember, hlm. 253)

Penguasaan perdagangan menerusi syarikatnya yang dikenali sebagai *Verenigde Oost-Indische Compagnie* (V.O.C)<sup>35</sup> di sepanjang Selat Melaka membolehkan Belanda menjalin rakan dagang dengan pedagang-pedagang Asia termasuk India (sebenarnya dari Goa) yang sebelum ini sudah terjalin mempunyai hubungan dagang rempah ratus dengan negeri-negeri di Tanah Melayu seperti Kedah, Johor (Riau) dan Terengganu serta Nusantara.

---

<sup>35</sup> Ditubuhkan dua tahun selepas penubuhan Syarikat Hindia Timur. V.O.C memonopoli perdagangan rempah ratus di Nusantara.

Aliran masuk perdagangan ini mewujudkan persaingan hebat terhadap pedagang-pedagang Inggeris melalui Syarikat Hindia Timur<sup>38</sup> yang sudah lama berniaga di pelabuhan-pelabuhan tempatan. Persaingan ini menyebabkan Inggeris dan Belanda mengadakan perjanjian dagang demi kepentingan masing-masing.

#### 4.1.2 Aksi Kolonial Inggeris

Perjanjian Inggeris-Belanda pada tahun 1824 misalnya, telah memisahkan Asia Tenggara kepada dua kawasan berpengaruh yang menjadi asas sempadan Tanah Melayu dan Sumatera (Indonesia). Inggeris telah menukarkan Bangkalu (Bencoolen-Indonesia) dengan Melaka kepada Belanda. Kesan daripada perjanjian ini ialah Inggeris secara *legal* menduduki Tanah Melayu serta menggabungkan Pulau Pinang, Melaka dan Singapura sebagai pusat kuasanya di perairan Selat Melaka. Selepas perjanjian tersebut, Inggeris kelihatan bebas menjalankan kekuasaannya di Tanah Melayu termasuk mula mencampuri urusan sosio-politik tempatan.

#### 4.1.3 Aksi Kolonial Jepun

Pada tahun 1942 Inggeris pula dikalah oleh Jepun dan Tanah Melayu mula diperintah oleh orang Asia. *Periode* pemerintahan Jepun ini memperlihatkan kebangkitan semangat nasionalisme di kalangan orang-orang Melayu yang ditiupkan oleh Jepun dengan slogan “Asia Untuk Asia” sekaligus ditanamkan perasaan bencikan Inggeris.

---

<sup>38</sup> Ditubuhkan pada tahun 31 Disember 1600 oleh saudagar-saudagar Inggeris bagi melindungi dan membantu perniagaan mereka di Nusantara (lihat: Asraf et. al 1978: *Sejarah Baru Negara Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka hlm. 10)

Namun apabila Jepun menyerah kalah dalam Perang Dunia Kedua kepada pihak Berikat<sup>37</sup>, Inggeris kembali menjajah negara ini pada tahun 1945 dengan mengamalkan pemerintahan yang dinamakan *British Military Administration* (BMA) (K.S.Jomo, *Pemikir* 1996 Julai-September : 49) serta memperkenalkan MU (1946)<sup>38</sup> yang mendapat tentang hebat daripada orang-orang Melayu. Apabila gagasan MU gagal, penjajah Inggeris membentuk pula PTM (1948)<sup>39</sup> sehinggalah Malaya merdeka pada tanggal 31 Ogos 1957.

Pemaparan kronologi penjajahan di negara ini (1511-1957) sekadar memperlihatkan aksi-aksi kolonial secara sepintas lalu yang mencetuskan idea anti-kolonialisme di kalangan rakyat Tanah Melayu / Malaya . Tetapi dalam konteks kajian ini, penekanan analisis hanya ditumpukan khusus terhadap penjajahan Inggeris dan Jepun kerana ia menjadi sebahagian tema yang terdapat dalam teks kajian. Pendudukan Inggeris di Tanah Melayu / Malaya pada sekitar 30-an hingga 50-an serta Jepun (1942-1945) telah membabitkan Ahmad Boestamam dalam kancah zaman penjajahan itu yang barangkali mengilhamkan beliau menghasilkan karya berkenaan.

Secara umumnya, kajian mendapati daripada sepuluh buah novel yang termasuk dalam skop kajian hanya tujuh buah sahaja yang mengandungi pemikiran politik bermesejkan anti-kolonialisme. Judul-judul novel yang mengandungi mesej anti-kolonialisme terhadap penjajah Inggeris dan Jepun dapat dilihat dalam Jadual 4.1 di bawah ini.

---

<sup>37</sup> Peperangan ini berlaku antara tahun-tahun 1939 – 1945. Ia bermula di Eropah, kemudian melebar ke kebanyakan negara dunia dengan pembabitkan dua pakatan utama iaitu *Pihak Berikat* (Britain, Perancis, Amerika Syarikat dan Rusia) dan *Kuasa-kuasa Paksi* (Jepun, Itali dan Jerman). Faktor utama yang menyebabkan berlakunya Perang Dunia Kedua ialah kegagalan *Persetiaan Versailles*

<sup>38</sup> Lihat Bab 2 hlm. 52

<sup>39</sup> Lihat Bab 2 hlm. 53

**Jadual 4.1 Taburan Anti-kolonialisme dalam Novel-novel Ahmad Boestamam**

Bil.	Judul	Tahun Terbit	Halaman Yang Dikenalpasti		Jumlah Halaman
			Mesej Terhadap Inggeris	Mesej Terhadap Jepun	
1	<i>Gelap Menjelang Terang (Jawi)</i>	1956	7,32,33,48	9,10,15,16	8
2	<i>Kabus Pagi (Jawi)</i>	1958	60,78,79	-	3
3	<i>Pacar Merah Malaya</i>	1959	14,43,44	1,2,3,4,8,13,15,16,17,36,37,46,47,48,57,58	19
4	<i>Garis Hitam Membelah Langit</i>	1966	-	37,38	2
5	<i>Sorong Makan Tarik Makan</i>	1967	23,24	-	2
6	<i>Ali Sastro</i>	1968	39	-	1
7	<i>Malam Tiada Berbintang</i>	1968	56,57	-	2
<b>Jumlah</b>			<b>15</b>	<b>22</b>	<b>37</b>

Menerusi jadual tersebut menunjukkan ke semua tujuh buah novel yang mengandungi mesej anti-kolonialisme hanya sebanyak 37 halaman sahaja. Daripada jumlah halaman itu, mesej anti-kolonialisme terhadap Inggeris meliputi 15 halaman berbanding 22 halaman terhadap Jepun. Manakala novel yang paling banyak mengandungi mesej anti-kolonialisme ialah *Pacar Merah Malaya* (1959) sebanyak 19 halaman dan yang tersedikit pula, *Ali Sastro* (1968) cuma satu halaman sahaja.

Seterusnya kajian juga mendapati bahawa pengarang membentuk mesej anti-kolonialisme melalui unsur-unsur yang bersifat propaganda, metaforik, provakatif dan jelmaan watak pengarang bagi penjajah Inggeris. Manakala terhadap Jepun pula di samping menggunakan unsur yang bersifat provakatif tetapi juga mengeksploitkan unsur-unsur nada – keras dan lembut. Pengarang juga menggunakan pendekatan variasi teknik penulisan seperti dialog, surat dan interior monolog dalam penyampaian mesej.

Penggunaan variasi teknik penulisan ini disifatkan amat berkesan dalam membentuk mesej serta menimbulkan impak kerana ia disampaikan mengikut situasi, tema dan persoalan sesebuah novel. Ini penting bagi menjelaskan kandungan mesej kepada khalayak pembaca. Bagi membuktikan hal ini perbincangan akan dipecahkan kepada dua bahagian iaitu:

- i        Anti-kolonialisme terhadap Inggeris
- ii      Anti-kolonialisme terhadap Jepun.

## 4.2 ANTI-KOLONIALISME TERHADAP INGGERIS

Pengarang menjadikan senario penjajahan Inggeris sebagai pencetus ke arah melahirkan pemikiran politik dari aspek anti-kolonialisme dalam enam buah novel<sup>40</sup>. Kebanyakan mesej anti-kolonialisme ini disampaikan secara sedar yang kadang kala bersifat propaganda, metaforik dan provokatif. Penyaluran secara variasi ini memperlihatkan beberapa unsur digunakan oleh pengarang dengan tujuan untuk mengangkat mesej tersebut supaya dapat menimbulkan impak kepada khalayak sasaran. Ada tiga unsur yang digunakan pengarang dalam menyampaikan mesej anti-kolonialisme terhadap Inggeris iaitu:

- i Bersifat Propaganda
- ii Bersifat Metaforik
- iii Bersifat Provokatif dan Jelmaan Watak Pengarang

### 4.2.1 Anti-Kolonialisme Bersifat Propaganda

Menurut novelis George Orwell penulisan begini adalah wajar bagi menyalurkan mesej. Katanya, "*propaganda in some form or other lurks in every book, that every work of art has a meaning and a purpose - a political, social and religious purpose*" ( A.P. Foulkes 1983: 6) malahan Hitler juga berpandangan demikian. Katanya; "*art and literature are capable of producing in a counter-vision which in turn creates the sense of ideological distance which renders propaganda visible*" ( A.P. Foulkes 1983: 6).

---

<sup>40</sup> Lihat Jadual 4.1 hlm. 107



Kata-kata George Orwell dan Hitler itu dapat dibuktikan dengan meneliti wacana naratif tentang anti-kolonialisme yang ditulis oleh pengarang secara sadar yang acapkali berbentuk propaganda sifatnya bagi menimbulkan kesan langsung untuk mengajak membaca membenci penjajah. Mesej bersifat propaganda ini disampaikan dengan teknik penulisan *interior monolog* yang memberi makna langsung kepada pembaca. Contohnya;

Entah kerana dorongan apa, demi seketika itu jua, hati saya didatangkan ingin sahaja hendak pergi ke Indonesia, hendak melihat negara merdeka, mahu menghirup udara kemerdekaan, hendak merasa nikmat merdeka dan kebahagiaannya. Tegasnya mahu merantau ke luar negeri (*Gelap Menjelang Terang* 1956: 7)

Pengarang cuba menggambarkan betapa bahagianya kehidupan di dalam sebuah negara yang sudah merdeka seperti Indonesia sebaliknya membangkitkan perasaan benci terhadap Inggeris yang masih menjajah negaranya - Malaya. Walaupun dia tidak mempamerkan sikap berterus terang menentang Inggeris tetapi secara sadar pengarang menanamkan bibit-bibit anti-kolonialisme kepada pembaca kerana pada waktu itu (novel ini ditulis pada tahun 1948) orang-orang Melayu sedang bergelut mendapatkan kemerdekaan daripada British setelah berjaya menumpaskan MU.

Manakala dalam *Kabus Pagi* (1958) pengarang meluahkan pandangan anti-kolonialisme terhadap Inggeris melalui dialog tetapi masih lagi bersifat propaganda. Menerusi watak Mokhtar pengarang cuba mendedahkan tipu muslihat penjajah dalam peperangan semata-mata untuk mencapai kemenangan. Lihat pandangan Mokhtar yang bersifat propaganda itu.

...kemudian dalam tipu muslihat perang pula cubalah pandang kembali pada masa berlakunya Perang Dunia yang Kedua dulu. Sebelum Russia diserang oleh Jerman (Hitler) kedua buah negeri ini dapat mengikat suatu perjanjian tidak akan serang

menyerang sedang faham politik yang dibawa oleh masing-masing bertentangan seperti bumi dengan langit, seperti minyak dengan api. Kemudian bila Russia telah diserang oleh Jerman dia telah masuk pula ke dalam pakatan kuasa-kuasa Berikat berkawan dengan British, Amerika dan kawan-kawan mereka. Kenapakah mereka dapat berkawan sedang bentuk dunia yang mereka ingin tidak serupa dan sama, faham politik yang mereka anut berlawanan sepanjang masa? Pada permulaan Perang Dunia Kedua dulu itu Perancis menyebelah Kuasa-kuasa Berikat. Kemudian bila Perancis berperdana menterikan Masyasal Pettedy (?) boleh bekerjasama pula dengan Jerman menentang kawan-kawan lama (Kuasa-kuasa Berikat) (*Kabus Pagi* 1958: 79)

Pandangan ini tercetus apabila Aminah meminta Mokhtar menyokong pakatan UMNO dan *Malayan Chinese Association* (MCA) yang ingin berkompromi dengan British dalam menuntut kemerdekaan negara ini. Pengarang jelas menentang cadangan itu kerana percaya British mempunyai tipu muslihat politik sebagaimana yang terjadi dalam Perang Dunia Kedua dahulu.

Walaupun bersifat propaganda mesej anti-kolonialisme yang ingin disampaikan pengarang ketara jelasnya kerana dia memiliki pengetahuan sejarah politik dunia yang agak mendalam. Justeru pengarang dipengaruhi emosi ketika menyalurkan mesej seperti berkhutbah, bombastik serta mengkesampingkan nilai-nilai estetika yang menjadi prasyarat sesebuah karya sastera terutama genre novel.

#### 4.2.2 Anti-Kolonialisme Bersifat Metaforik

Pengarang tidak hanya menyampaikan aspek anti-kolonialisme bersifat propaganda tetapi juga bersifat metaforik yang memperalatkan simbol atau lambang. Misalnya dalam

Pengarang berpendapat sudah menjadi tanggungjawab pemilik (Kerajaan British) menjaga kerbau (rakyat Malaya) supaya tidak mencero bohi harta milik orang lain. Pengarang menyindir Kerajaan British yang berkuasa ketika itu tetapi mengabaikan tanggungjawabnya dalam memelihara kepentingan pribumi.

Penggunaan metaforik ini sengaja dimanipulasikan oleh pengarang supaya pihak Inggeris tidak mengambil tindakan terhadapnya yang mendedahkan kepada awam tentang kepincangan pemerintah apatah lagi British memiliki kuasa perundangan iaitu akta ISA yang berkuasa menangkap dan memenjarakan pesalah untuk tempoh tertentu terhadap sesiapa sahaja dan boleh disabitkan dengan kesalahan berkaitan keselamatan awam tanpa dibuktikan kesalahannya di mahkamah terlebih dahulu.

Rasionalnya, pengarang sudah sedia maklum mengenai kuasa akta ISA kerana beliau pernah disabitkan dengan kesalahan demikian dan dipenjara sebanyak tiga kali (1941-1942)<sup>43</sup> (1948-1955)<sup>44</sup> oleh penjajah Inggeris dan pada (1963-1967)<sup>45</sup> ketika berjuang dalam politik kepartian.

#### 4.2.3 Anti-Kolonialisme Bersifat Provokatif dan Jelmaan Watak Pengarang

Mesej anti-kolonialisme tidak hanya disampaikan secara metaforik tetapi juga dengan cara provokatif sifatnya. Pengarang tanpa berselindung meluahkan semangat keberanian berhadapan dengan penjajah; sanggup dibunuh atau dipancung kerana semata-

---

<sup>43</sup> Lihat Bab 1 hlm. 3

<sup>44</sup> Lihat Bab 1 hlm. 3

<sup>45</sup> Lihat Bab 2 hlm. 32

mata berpegang kepada prinsip perjuangan: “kebenaran fikiran dan faham saya” yang sekaligus cuba memprovokasi dan mempengaruhi pembaca untuk berjuang bersama-sama protagonis, Rustam. Sifat provokatif itu dapat dilihat dalam petikan dialog ini misalnya;

“Rustam bagaimana?”

“Saya tetap tidak terduga dan tidak akan terduga. Jangankan dipenjara kalau dibunuh atau dipancungpun saya tidak takut. Apa yang saya mesti takutkan dan kepada siapa saya mesti takut kalau saya berjalan atas kebenaran fikiran dan faham saya.” (*Pacar Merah Malaya* 1959: 43-44)

Penggunaan dialog yang bersifat provokatif ini dapat menyampaikan maksud pengarang dengan terang sekali. Misalnya dialog “saya” kepada Ali Sastro dalam *Ali Sastro* (1968) menggambarkan bahawa pengarang menyalurkan mesej anti-kolonialisme secara provokatif dengan sinis terhadap Inggeris: “Kolonialisme dulupun terbatas dacrahnya. Tapi kini ia sudah universal, sudah menjadi internasional kolonialisme. Coraknya sama juga kan?” (*Ali Sastro* 1968: 39)

Berdasarkan dua contoh di atas kelihatan pengarang begitu jelek dan membenci Inggeris. Sifat kebencian bersebab. Sebenarnya pengarang sendiri terbabit dalam perjuangan menentang Inggeris yang pernah menubuhkan PKMM dan API dalam sejarah politik negara. Komitmen ini telah membawa emosi pengarang ke dalam novel-novelnya. Bagaimana kebenciannya terhadap Inggeris di luar teks, begitu jugalah sikapnya di dalam teks kajian.

Misalnya dalam *Pacar Merah Malaya* (1959) protagonis Rustam adalah jelmaan watak pengarang sendiri yang begitu tegas dalam menegakkan prinsip perjuangan serta memiliki kekentalan semangat juang yang tinggi. Ini dapat difahami melalui frasa; “saya

berjalan atas kebenaran fikiran dan faham saya” (1958: 43-44) jelas sekali menggambarkan sikap pengarang<sup>46</sup> yang tidak berpihak kepada penjajah sebaliknya bangun menentang dan menghalau mereka di bumi kelahirannya.

Maksud kata-kata demikian mudah difahami, kerana pengarang merupakan salah seorang tokoh politik tanah air yang terkemuka<sup>47</sup>, seangkatan dengan pejuang kemerdekaan yang lain seperti Dr Burhanuddin Al Helmi, Ibrahim Yaakob dan Ishak Haji Muhammad (Pak Sako). Justeru pandangan pengarang tentang pergolakan dan kemelut dunia politik tempatan agak mendalam dan meluas lebih-lebih lagi dari aspek anti-kolonialisme dalam proses menuntut kemerdekaan Tanah Melayu.

Melalui watak Mokhtar dalam *Kabus Pagi* (1958) misalnya, pengarang mempersoalkan bentuk pakatan kerjasama UMNO dan MCA yang hendak mendapatkan kemerdekaan daripada British kerana matlamat kedua-dua pertubuhan itu ditubuhkan adalah berasaskan perkauman iaitu menjaga dan membela kepentingan bangsa masing-masing. Mokhtar berpendapat:

Memang kadang-kadang perbezaan tujuan boleh menyesuaikan gerak angkah di antara dua pihak yang bermusuhan-musuhan pada asasnya. Kejadian yang demikian selalu terjadi di dalam percaturan politik dan tipu muslihat perang pun adakalanya berlaku begitu. Buktinya, lihatlah percaturan politik di Malaya sekarang. Dalam perjuangan untuk mencapai Malaya merdeka UMNO dan MCA menjalankan gerakan yang sama iaitu berpadu (perpaduan UMNO-MCA) tetapi belum tentu apakah tujuan di antara keduanya serupa dan sama, ertinya corak Malaya merdeka yang mereka ingin tidak bersalah-salahan (*Kabus Pagi* 1958: 78-79)

---

<sup>46</sup> Dalam konteks ini pengkaji lebih cenderung mengatakan bahawa sikap pengarang (Ahmad Boestaman) berpegang kepada prinsip pemikiran politik yang berteraskan nasionalisme, anti-kolonialisme dan sosialisme dalam perjuangannya membebaskan Tanah Melayu (Malaya) daripada belenggu penjajahan.

<sup>47</sup> Lihat Bab 2 hlm. 38

Nyata sekali corak anti-kolonialisme yang dimainkan oleh golongan aristokrat daripada UMNO dan MCA bertentangan dengan corak anti-kolonialisme yang dianuti pengarang. Pengarang terpengaruh dengan konsep kemerdekaan yang dipelopori oleh KRIS yang mencadangkan agar Tanah Melayu merdeka serentak dengan Indonesia dengan membentuk sebuah negara kesatuan bernama “Melayu Raya” yang tentu sekali bertentangan dengan mandu-operandi UMNO-MCA.

Walau bagaimanapun dalam hal menentang penjajahan, pengarang masih boleh berlembut; yang penting Inggeris mesti dihapuskan daripada tanah airnya. Justeru menerusi watak Rusman (pengarang) menyatakan pendiriannya: “walau bagaimanapun saya selamanya memberikan restu saya kepada setiap usaha siapa saja untuk mencapai kemerdekaan tanah air kita ini dan hapusnya penjajahan Inggeris dari bumi tanah air kita ini” (*Sorong Makan Turik Makan* 1967 : 23).

Namun begitu kerana berpegang kepada prinsip idealisme politik, pengarang tidak sanggup menjual maruah apabila dirinya cuba di”beli” oleh Kerajaan British dengan menawarkan “ganjaran lumayan” menjadi ejen Inggeris. Dia menolak tawaran tersebut walaupun pada hakikatnya ketika itu dia di dalam kesempitan hidup<sup>48</sup>.

Misalnya, melalui perbualan Aziz dengan Wahid dapat digambarkan betapa kentalnya semangat anti-kolonialisme yang bersarang di jiwa Rusman yang sukar diganggu-gugat dengan pujukan apatah lagi dengan sogokan wang;

---

<sup>48</sup> Keterangan ini dipetik daripada teks (*Malam Tiada Berbintang* 1968 : 56) yang menyebut bahawa: “Dia sekarang sudah tua. Sudah hampir lima puluh tahun umurnya kini. Rumah sudah berkata pergi kepadanya dan kubur pula sudah memanggil mari. Namun harta secebis pun dia tidak punya”.

“Dia bukannya tak pernah ditawarkan kemewahan dan kebahagiaan hidup persendirianya. Bukan sekali, bukan dua kali, bahkan beberapa kali. Tetapi ditolaknya belaka kerana dia sudah menyediakan dirinya untuk rakyat jelata dan demi kepentingan rakyat jelata semata.”

“Pada saya, Cik Wahid, di sinilah letaknya keistimewaannya, kebesaran jiwanya. Siapa menduga yang dia boleh menolak tawaran besar penjajah Inggeris padanya dulu itu?”

“Benar kata engkau tu. Dia ditawarkan oleh Inggeris untuk menjadi tali barut atau ejennya dengan bayaran dua ribu ringgit seminggu atau delapan ribu ringgit sebulan, kereta sebuah dan rumah besar sebuah. Tawaran ini ditolaknya mentah-mentah.”

“Kerjanya bukan pula susah, hanya memberikan laporan tentang hidup dan perhubungan kawan-kawan seperjuangannya semata-mata seperti Dr Burhanuddin dan Ishak Haji Muhammad.”

“Dia menolaknya, katanya, kerana dia tidak mahu mengkhianati kawan-kawan seperjuangan yang padanya bererti pula mengkhianati rakyat jelata yang kepadanya dia bersumpah akan memperhambakan dirinya.” (*Malam Tiada Berbintang* 1968: 56-57)

Kekentalan semangat anti-kolonialisme yang bersarang dalam jiwa pengarang telah diselitkan dalam plot novelnya semata-mata ingin menimbulkan impak yang hanya berfungsi sebagai saluran penyampaian mesej (S Othman Kelantan 1987: 7). Cara pengarang sekadar menyelitkan mesej ke dalam plot novel tidak dapat menjadikan karyanya sebagai novel pertentangan di antara penjajah dengan kumpulan pejuang kerana menurut kajian Sahlan Mohd. Saman novel perang tidak ada di Malaysia (1995: 17).

Dalam kajian ini, pendapat S Othman Kelantan di atas dapat dilihat menerusi tujuh buah novel beliau iaitu *Gelap Menjelang Terang* (Jawi) (1956), *Kabus Pagi* (Jawi) (1958), *Pacar Merah Malaya* (1959), *Garis Hitam Membelah Langit* (1966), *Sorong Makan Tarik Makan* (1967), *Ali Sastro* (1968) dan *Malam Tiada Berbintang* (1968) yang menerapkan pemikiran politik tersebut.

Oleh kerana penampilan aspek anti-kolonialisme terhadap Inggeris ini tidak menyeluruh sebaliknya merupakan wacana naratif yang diselitkan ke dalam plot novel,

kesemua novel tersebut tidak dapat dikategorikan sebagai novel politik<sup>51</sup> kerana tidak memancarkan idea politik secara dominan. Walaupun begitu, Shamsul Amri Baharuddin berpendapat, selalunya karya sastera mempengaruhi proses politik di merata dunia (*Dewan Sastera*, Julai 1988 : 38). Justeru itu ahli politik yang secara kebetulan sebagai pengarang termasuk Ahmad Boestamam menggunakan sastera sebagai alat untuk menyampaikan mesej politik.

Memang benarlah karya sastera mempengaruhi proses politik seperti penampilan aspek anti-kolonialisme di dalam novel-novel Ahmad Boestamam. Mesej yang dipersembahkan melalui corak propaganda, metaforik, provokatif serta wacana naratif itu dapat dikutip dan dianalisis berdasarkan gambaran / wacana pengarang<sup>52</sup> yang merupakan jelmaan sifat dan pengalaman pengarang di luar teks kajian kerana kebetulan beliau seorang nasionalis Melayu yang terbabit secara langsung di dalam proses sejarah untuk mencapai kemerdekaan negara ini.

Reaksi anti kolonial terhadap Inggeris sudahpun bermula semenjak kurun ke 18 lagi terutamanya di negeri Perak – negeri kelahiran pengarang. Segala reaksi itu menyebabkan munculnya satu proses gerakan anti-kolonial seterusnya seperti mana yang telah dibahaskan dalam sub topik; aksi kolonial baik Belanda, Inggeris mahupun Jepun.

Mengambil contoh aksi kolonial Inggeris misalnya, telah menyebabkan satu proses gerakan anti-kolonial yang kemudiannya menerbitkan mesej-mesej anti-kolonialisme di kalangan anak watan pribumi khususnya orang Melayu. Penguasaan Inggeris terhadap

---

<sup>51</sup> Lihat definisinya dlm. Bab 1 hlm. 14-16

<sup>52</sup> Lihat Jadual 2.1 hlm. 52



kawasan perdagangan di Tanah Melayu seperti pembukaan Pulau Pinang pada tahun 1786 dan Singapura (1819) sebagai pelabuhan-pelabuhan British serta pembentukan Negeri-negeri Selat (Pulau Pinang, Melaka dan Singapura) (1826) misalnya, telah menyemarakkan gerakan anti-kolonial di negara ini (K.S.Jomo, *Pemikir* 1996 Julai-September : 48).

Api kemarahan terhadap British dilihat berada pada kemuncaknya apabila Inggeris mula mengenakan kawalan politik ke atas Sultan dan pentadbiran Negeri Perak setelah termeterinya Perjanjian Pangkor pada 20 Januari 1874<sup>53</sup>. Meskipun Inggeris menaifikan campur tangannya dalam senario politik tempatan setelah Perjanjian Pangkor tetapi hakikat tindak-tanduknya mula dilihat sekitar tahun 1780-an lagi. Ini dijelaskan oleh Abdullah Zakaria Ghazali seperti berikut:

Sungguhpun British menegaskan bahawa campur tangan di Tanah Melayu bermula pada tahun 1874, tetapi hal itu dianggap dakyah semata-mata kerana pada kurun ke-18 mereka terlibat dalam politik Kedah yang berakhir dengan tindakan menduduki Pulau Pinang. Pada tahun 1819 mereka menduduki Singapura. Setelah menduduki Melaka pada tahun 1825, iaitu apabila berkuat kuasa Perjanjian Inggeris-Belanda 1824, British terlibat dalam negeri Naning yang pada ketika itu di bawah pentadbiran Penghulu Dol Said. Campur tangan itu mencetuskan perang sebanyak dua kali pada tahun 1831 dan 1832. Dalam perang pada tahun 1831, Naning mencapai kejayaan, tetapi mengalami kekalahan di tangan British pada tahun 1832. Pihak British juga terlibat secara langsung dalam persaingan politik di antara keluarga Sultan dengan Temenggong di Johor pada tahun 1850-an hingga 1880-an. Begitu juga, British terlibat dalam persaingan jawatan Bendahara di Pahang di antara Wan Ahmad dengan Wan Mutahir (1857-1863), yang membawa kepada pembedilan ke atas Terengganu pada tahun 1862. Tidak kurang juga penglibatan British dalam politik Perak, Selangor dan Negeri Sembilan sebelum tahun 1874 (*Pasir Salak: Pusat Gerakan Menentang British Di Perak* 1997: 1-2)

Keterangan yang diberikan Abdullah Zakaria ini memperlihatkan bahawa bibit-bibit reaksi anti-kolonial terhadap British di Tanah Melayu sudah bermula pada kurun ke-18 lagi

---

<sup>53</sup> Perjanjian ini dimeteri antara British dengan Raja Muda Abdullah (Perak). Dalam perjanjian ini Inggeris mengiktiraf baginda sebagai Sultan Perak manakala Inggeris pula bertanggungjawab dalam hal keamanan dan keselamatan negeri itu. Sebagai balasnya, Sultan terpaksa menerima seorang penasihat Inggeris yang dikenali dengan Residen Inggeris dalam struktur baru pentadbiran yang dinamakan Sistem Residen.

tetapi kemuncak penentangan tercetus pada 2 November 1875 apabila James Wheeler Woodford Birch (J.W.W. Birch)<sup>54</sup> mati dibunuh oleh Orang Perak<sup>55</sup> di Pasir Salak (Buyung Adil 1981: 70) dan langsung mencetuskan “Perang Perak”<sup>56</sup> (1875-1876) yang dilihat sebagai satu titik awal proses gerakan anti-kolonial di negeri itu.

Berdasarkan rentetan gerakan anti-kolonial yang seperti diuraikan itu, barangkali mengilhamkan Ahmad Boestamam untuk menyemaikan kembali mesej anti-kolonialisme menerusi novel-novelnya kepada khalayak sasaran terutama orang-orang Melayu supaya bangun menentang British yang telah membelenggu negara ini beratus tahun lampau. Tetapi kajian menunjukkan bahawa mesej anti-kolonialisme terhadap Inggeris yang terkandung di dalam novel-novelnya hanya di dalam lingkungan zaman 30-an hingga menjelang tahun 50-an sahaja iaitu dalam lingkaran zaman proses negara ini ke arah kemerdekaan.

#### 4.3 ANTI-KOLONIALISME TERHADAP JEPUN

Tempoh penjajahan Jepun ke atas Tanah Melayu sekitar tahun 1942-1945<sup>57</sup> tidak panjang sebagaimana penguasaan Inggeris tetapi mencukupi untuk Ahmad Boestamam mengungkapkan pemikiran politik di dalam novel-novel hasil gubahannya. Mesej anti-

---

<sup>54</sup> Residen Pertama Perak melalui perantaraan Sistem Residen yang diperkenalkan oleh British.

<sup>55</sup> Pembunuhan ini sebenarnya berasaskan satu pakatan sulit yang diketuai oleh Dato' Maharaja Lela. Episod pembunuhan itu diterangkan secara terperinci yang membabitkan Si Puntum, Ngah Jabor, Kulup Ali, Si Tuah, Dato' Sagor, Pandak Indut dan Panjang Bur (lihat Abdullah Zakaria Ghazali 1997. *Pasir Salak: Pusat Gerakan Menentang British Di Perak*. Ipoh: Yayasan Perak hlm. 134-136)

<sup>56</sup> Perang orang Melayu melawan penjajahan British di negeri Perak.

<sup>57</sup> Malaya diserang Jepun pukul 12.45 pagi pada 8 Disember 1941 yang mendarat di Kota Bharu, Kelantan lalu maju ke pedalaman Malaya, menyusuri pinggir hutan belantara yang dianggap tidak mungkin dilalui manusia. Mereka merampas basikal dan menaikinya melalui kebun-kebun getah dan jalan-jalan yang berhubungan. Bandaraya Kuala Lumpur diduduki oleh tentera Jepun pada 11 Januari 1942 dan pada 8 Februari 1942 mereka berjaya menduduki sebahagian barat daya Pulau Singapura yang bentengnya dikatakan tidak kunjung roboh oleh serangan dari laut. Singapura tewas kepada Jepun pada 15 Februari 1942 (lihat Drs Li Chuan Siu 1972 “Sepintas Lalu Mengenai Pengembangan dan Perkembangan Sastra Melayu Modern 1942-1963” dalam *Dewan Sastra*, Ogos hlm. 11-12)

kolonialisme terhadap Jepun jelas ketara diungkapkan di dalam *Gelap Menjelang Terang* (1956) dan *Pacar Merah Malaya* (1959)\* yang menggambarkan percikan idealisme politik pengarang.

Kajian mendapati mesej anti-kolonialisme terhadap Jepun variasi sifatnya; bernada keras, bersifat provokatif dan bernada lembut. Penggunaan teknik penulisan ini dianggap bertepatan dengan latar masa serta persekitaran yang mempengaruhi proses kepengarangan, apatah lagi pengarang terlibat sama dalam pergolakan politik tempatan.

#### 4.3.1. Anti-Kolonialisme Bernada Keras

Penampilan mesej anti-kolonialisme bernada keras bertujuan untuk menunjukkan ketegasan pengungkap terhadap isi kandungan yang dilontarkan itu. Ia dilihat menonjolkan kewibawaan penutur yang bertanggungjawab terhadap setiap patah perkataan yang diucapkan. Mesejnya lebih menyakinkan dan dapat menarik perhatian pembaca.

Penggunaan teknik penulisan ini dapat dilihat dalam *Pacar Merah Malaya* (1958) yang diserasikan dengan watak Rustam yang berusia 28 tahun. Protagonis ini digambarkan sebagai seorang pejuang yang berhabis-habisan menentang Jepun. Tentu sekali pejuang berdarah muda ini bersifat berang dan agresif. Malangnya, Rustam tertangkap ketika mengetuai “Barisan Penggempur” yang menyerang hendap sebuah markas Jepun di Gerik, Perak. Akibatnya Rustam dibicarakan di mahkamah Ipoh. Dalam perbicaraan itulah, dia berhujah dengan penuh bersemangat:

---

<sup>56</sup> Lihat Jadual 4.1 hlm. 107

“Saya dihukumkan penjara seumur hidup. Itu adalah hukuman yang dijatuhkan oleh musuh saya – kerajaan yang zalim yang sampai akhir hayat saya tidak akan saya pandang sah. Tetapi ingat! Saya boleh dihukum bunuh, saya boleh dihukum penjara, saya boleh dibuat apa suka tetapi semangat yang telah saya tanamkan kepada pengikut-pengikut saya, semangat melawan kerajaan yang saya tetap tidak pandang sah itu yang telah hidup semarak hampir tiga tahun lamanya masakan dapat dibunuh, dipenjara ataupun dihapuskan.”

“Ya, saya dihukum tetapi hati saya tetap bangga. Saya megah dan saya percaya pengikut-pengikut saya yang ramai akan berjuang sampai fasiz Jepun lenyap dari bumi Malaya ini” (*Pacar Merah Malaya* 1959: 3-4)

Mesej yang disampaikan pengarang jelas dan nyata bahawa Rustam di samping bertegas dengan pendiriannya menentang penjajahan Jepun tetapi dalam pada itu cuba mengajak pengikut-pengikut khususnya orang Melayu berjuang melenyapkan penjajah itu di bumi Malaya.

#### 4.3.2 Anti-Kolonialisme Bersifat Provokatif

Mesej bersifat provokatif boleh sahaja diungkap dalam pelbagai teknik penulisan dan tidak hanya berkisar dalam bentuk dialog atau wacana naratif sahaja bahkan melebar menerusi surat siaran yang terang maksudnya, sengaja diungkap tanpa berselindung di sebalik simbol atau lambang.

Pengarang berpendapat orang Melayu mesti digerakkan untuk menentang Jepun kerana selama setahun setengah penjajah itu menguasai Tanah Melayu, rakyat menjadi derita akibat kemelesetan ekonomi, keruntuhan sosial serta kezaliman tentera Jepun terhadap pribumi (*Pacar Merah Malaya* 1959: 14).

Hal ini diakui sendiri oleh pengarang yang merasai kesempitan hidup semasa zaman pemerintahan Jepun. Autobiografi pengarang berjudul *Api dan Air Muta* (1967: 11) menceritakan penderitaan yang dialaminya;

Dalam masa pemerintahan Jepun saya dan isteri, sebagaimana setiap rakyat Malaya yang lain, telah menghadapi kehidupan yang pahit sekali. Kesempurnaan rumah tangga kami tidak ada sama sekali. Kami merasa hidup makan ubi kayu sebagai menggantikan nasi. Kami merasa memakai kain dan baju yang bertampung-tampung. Saya ke sana ke mari dengan menaiki basikal buruk yang memakai tayar mati. Ah! Berbagai-bagailah pengalaman hidup di bawah semboyan “Kemakmuran Bersama Asia Timur Raya” yang tak perlu rasanya saya terangkan satu persatu di sini.

Hakikat pengaruh persekitaran semasa serta pengalaman sendiri menyebabkan pengarang berterus terang menolak pemerintahan Jepun. Katanya dalam surat siaran itu berbunyi begini:

Saudara-saudara bangsa Melayu!

Mulut Jepun cukup manis, lidahnya yang tidak bertulang itu pandai membuat janji kononnya ia datang ke Malaya bukan kerana menakluki Malaya tetapi kerana hendak melepaskan Malaya dari belenggu British dan kemudian memasukkan ke dalam lingkungan kemakmuran bersama di Asia Timur Raya ini. Itu adalah janji kosong semata-mata. Kalau janji itu betul mengapa kezaliman dan keganasan menjadi-jadi sekarang?

Memang betul Jepun hendak memasukkan Malaya ke dalam lingkungan kemakmuran bersama yang hendak didirikannya itu, tetapi kemakmuran bersama di dalam mana Jepun mestilah dipandang sebagai “Tuhan”.

Alangkah murtadnya perbuatan itu!

Alangkah murtadnya saudara-saudara yang membantu perbuatan itu! Perbuatan itu harus kita cegah dan kita lawan (*Pacar Merah Malaya* 1959 : 15-16)

Melalui surat siaran tersebut, pengarang menyampaikan mesej anti-kolonialisme terhadap Jepun bersifat provokatif dengan menghasut, mengertak dan menggugut supaya

mesej itu dapat difahami walaupun dibaca secara sepintas lalu sahaja. Jelas sekali pengarang membenci Jepun sepenuh hatinya.

#### 4.3.3 Anti-Kolonialisme Bernada Lembut

Mesej bernada lembut lazimnya menggunakan pendekatan sindiran dan sinis. Kritikan disampaikan dengan memanipulasikan sesuatu perkataan atau frasa yang mengandungi makna berlapis. Dalam *Gelap Menjelang Terang* pengarang dengan menggunakan pendekatan sindiran bernada lembut bagi menyampaikan mesej anti-kolonialisme. Ini dapat dilihat dalam petikan daripada novel tersebut yang berbunyi:

Kemudian perubahan datang ke Malaya ini. Malaya jatuh ke tangan Jepun dan berdirilah pentadbiran tenteranya. Kuasa pemerintahan Malaya dipegang oleh si ketek itu. Dalam masa pemerintahan Jepun ini Malaya dan pentadbirannya mengalamai banyak perubahan yang semua kita telah sedia maklum. Kampung saya yang kecil itupun turut menerima perubahan (1956: 48)

Sindiran yang dimaksudkan ialah penggunaan perkataan “si ketek” yang ditujukan kepada tentera Jepun. Dalam masyarakat Melayu tradisional penggunaan perkataan yang tidak sedap didengar terhadap seseorang itu bererti orang itu tidak disukai dan dibenci. Hakikatnya, walaupun pengarang mengungkap wacana naratif bernada lembut tetapi disebalik itu, ia menyalurkan mesej anti-kolonialisme terhadap Jepun dengan sinis.

Demikian juga frasa yang bergaris dalam petikan di atas (perubahan yang semua kita telah sedia maklum) menggambarkan bahawa perubahan yang dibawa oleh penjajah Jepun tidak disenangi pengarang. Maksudnya berlapis; perubahan negatif terhadap pribumi

apatah lagi kampung yang kecil itupun sudah mengalami perubahan daripada lazimnya harmoni kini berubah menjadi hura-hara.

Pengarang secara sinis menempelak penjajah kerana melakukan aksi-kolonial yang pastinya tidak disukai oleh masyarakat tempatan. Untuk melihat salah satu aksi-kolonial yang berlaku semenjak tentera Jepun memerintah Tanah Melayu, novel *Garis Hitam Membelah Langit* (1966: 11) berjaya memperlihatkan tabiat tentera Jepun ketika berada di kawasan kampung. Pengarang merakamkan satu peristiwa ngeri yang terjadi kepada Zahrah ketika mandi di sebatang sungai.

Biasanya askar-askar Jepun merayau kampung ini kerana hendak mencari perempuan, hendak memuaskan nafsu kebinatangan mereka. Kak Zahrah ketakutan. Tak tahu apa hendak dibuatnya. Tak tahu ke mana dia hendak pergi melarikan diri. Sekonyong-konyong di tebing sungai dilihatnya seorang askar Jepun tercegat berdiri.

Dalam petikan di atas jelas menggambarkan tabiat buruk tentera Jepun yang menakut dan menzalimi masyarakat tempatan dan tentu sekali tidak dipersetujui pengarang. Bukti lain boleh diangkat daripada petikan novel *Pulanglah Perantau* (Aziz Jahpin 1974:139) yang menceritakan bahawa seorang pegawai tentera Jepun berpangkat Kapten (dokter perubatan), Dr. Saito sendiripun tidak bersetuju dengan tindakan kasar dan ganas bala tentera Jepun pada masa itu.

“Sekarang orang Jepun sudah perang. British mau tangkap saya. Orang Melayu kasi simpan saya. Tapi bila orang Jepun sudah datang saya punya hati banyak sakit. Itu sojar tak ada adat. Perempuan kasi bikin tidak baik. Orang tua suruh panjat kelapa, orang muda kasi tangkap bawa rari pergi Siam, Burma dan jauh-jauh tumpat....sikit punya sarah kasi potong kepara...”

Namun itulah hakikat bahawa penjajahan yang perlu diterima walaupun tidak mustahil tentangan dalam bentuk fizikal misalnya, boleh dilakukan, tetapi sejauh manakah kemampuan pribumi untuk menentangnya? Justeru muncullah aspek anti-kolonialisme di dalam karya-karya sastera khususnya, genre novel seperti yang ditangani Ahmad Boestamam.

Dalam menyampaikan mesej anti-kolonialisme terhadap pemerintahan Jepun, kajian mendapati bahawa garapan Ahmad Boestamam memperlihatkan dua olahan yang berbeza – kontradik sifatnya. Misalnya dalam novel *Gelap Menjelang Terang* (1956) mesej disampaikan bernada lembut berbanding bernada keras lagi bombastik seperti dalam novel *Pacar Merah Malaya* (1959). Walaupun ia menampilkan variasi pengolahan bagi menimbulkan estetika tetapi di sebalik itu apakah faktor menyebabkan pengarang “berlembut” melontarkan kritikan terhadap Jepun?

Pengkaji dapat mengesan tindakan pengarang demikian rupa dengan merujuk teks sosial iaitu pengarang pernah bertugas di Jabatan Propaganda Jepun (*Sesden Ka*) di Ipoh” yang menyebabkan beliau terpaksa “berlembut” dengan Jepun. Tetapi menurut pengarang, pembabitannya dalam *Sesden Ka* merupakan strategi politik semata-mata yang membolehkan dia dan rakan-rakan seperjuangan menubuhkan pakatan sulit seperti KITA (1944)<sup>57</sup> yang mempunyai hubungan dengan MPAJA sebagai langkah persiapan bagi menentang Jepun<sup>58</sup>.

---

<sup>57</sup> Lihat Bab 2 hlm. 36

<sup>58</sup> Lihat Bab 2 hlm. 36

<sup>59</sup> Lihat Bab 2 hlm. 37



Pengarang sendiri mengakui peranan yang dimainkan semasa berkerja dengan pihak Jepun dan menganggap zaman itu “melatih”nya sebagai seorang pemimpin politik.

Katanya:

“Dalam masa pemerintahan Jepun inilah pula saya mula tegak sendiri dalam kegiatan-kegiatan politik dan bukan lagi sebagai pengikut semata-mata. Dengan lain perkataan saya sudah tidak berpuashati dengan menjadi orang yang dipimpin melainkan sebaliknya mahu menjadi orang yang memimpin pula” (Ahmad Boestamam, “Dari Nasionalis Ke Sosialis”, *Sarina*, Februari 1978: 17)

Strategi politik yang dimainkan pengarang dapat diterima kerana pada zaman Jepun gerakan protes muncul dalam bentuk gerila di kalangan kaum radikal bukan Melayu dengan golongan konservatif Melayu atas tajaan British. Ini kerana golongan radikal Melayu kelihatan telah bekerjasama dengan Jepun, walaupun sebagai taktik perjuangan belaka (Rahman Haji Abdullah (1994:100).

#### **4.4 KESIMPULAN**

Pemikiran politik berunsurkan anti-kolonialisme yang terkandung dalam tujuh buah novel Ahmad Boestamam mempamerkan sikap dan pegangan pengarang terhadap prinsip perjuangan politik di luar teks kajian. Pengarang di dalam teks sosial adalah seorang tokoh politik tempatan yang terbabit secara langsung di dalam zaman penjajahan Inggeris dan Jepun telah memanipulasikan aspek anti-kolonialisme untuk menyalurkan mesej perjuangan politiknya di dalam karya sastera. Mesej tersebut telah diselitkan dalam plot novel supaya menimbulkan estetika yang menjadi kepentingan dalam pengolahan sesuatu

karya sastera. Justeru itu ia tidak begitu ketara jika tidak diteliti dan dianalisis melalui gambaran dan wacana pengarang.

Oleh kerana pengarang terbabit dalam dua zaman penjajahan di Malaya, sudah tentu terdapat perbezaan inspirasi, latar masa, pengaruh persekitaran serta persepsi terhadap kedua-dua pihak kolonial itu. Ini telah mempengaruhi pengarang dalam menyalurkan mesej anti-kolonialisme kepada khalayak sasaran. Dalam hal ini pengkaji mendapati mesej tersebut disampaikan dengan pengolahan gaya penulisan yang berbeza sama sekali. Perbezaan itu dapat dilihat pada Jadual 4.2 di bawah ini:-

**Jadual 4.2. Perbezaan Gaya Penyaluran Mesej Anti-Kolonialisme dalam Novel-novel Ahmad Boestamam**

<b>Bil</b>	<b>Penjajah Inggeris</b>	<b>Penjajah Jepun</b>
1.	Bersifat Propaganda	Bernada Keras
2.	Bersifat Metaforik	Bersifat Provokatif
3.	Bersifat Provokatif dan Jelmaan Watak Pengarang	Bernada Lembut

Dalam menyampaikan mesej anti-kolonialisme, pengarang menggunakan teknik penulisan bersifat propaganda, metafora, provokatif dan jelmaan watak pengarang terhadap penjajah Inggeris manakala bersifat keras, lembut dan provokatif kepada Jepun. Kajian mendapati penggunaan variasi teknik penulisan tersebut berpunca daripada penglibatan pengarang di dalam proses sejarah penentangan penjajah di negara ini yang berhadapan dengan masalah dan halangan yang terpaksa dihadapinya..

Mesej itu pula dipersembahkan dalam variasi gaya penulisan seperti naratif, dialog, surat dan *interior monolog*. Sementara itu, pendekatan sejarah – *Indo-Centric* dimanipulasikan oleh pengarang kerana sesuai dan selari dengan teras perjuangan politik yang berkonsepkan Melayu Raya dalam memperjuangkan kemerdekaan tanah air serta berpegang kepada slogan “Merdeka dengan Darah”. Ini sekaligus menggambarkan watak pengarang di luar teks kajian.

Hal ini tidak pula terdapat apabila pengarang menyalurkan mesej anti-kolonialisme terhadap Jepun. Penyampaian mesej lebih berhati-hati kerana pengarang sendiri di dalam teks sosial berkerja dengan pihak berkuasa Jepun. Justeru itu aspek anti-kolonialisme di dalam novel-novel Ahmad Boestamam merupakan percikan pemikiran politik beliau yang begitu komited dalam perjuangan membebaskan tanah air daripada belenggu penjajahan kuasa asing.

Dalam menyampaikan mesej anti-kolonialisme, pengarang menggunakan teknik penulisan bersifat propaganda, metafora, provokatif dan jelmaan watak pengarang terhadap penjajah Inggeris manakala bersifat keras, lembut dan provokatif kepada Jepun. Kajian mendapati penggunaan variasi teknik penulisan tersebut berpunca daripada penglibatan pengarang di dalam proses sejarah penentangan penjajah di negara ini yang berhadapan dengan masalah dan halangan yang terpaksa dihadapinya..

Mesej itu pula dipersembahkan dalam variasi teknik penulisan seperti naratif, dialog, surat dan *interior monolog*. Sementara itu, pendekatan sejarah – *Indo-Centric* dimanipulasikan oleh pengarang kerana sesuai dan selari dengan teras perjuangan politik yang berkonsepkan Melayu Raya dalam memperjuangkan kemerdekaan tanah air serta berpegang kepada slogan “Merdeka dengan Darah”. Ini sekaligus menggambarkan watak pengarang di luar teks kajian.

Hal ini tidak pula terdapat apabila pengarang menyalurkan mesej anti-kolonialisme terhadap Jepun. Penyampaian mesej lebih berhati-hati kerana pengarang sendiri di dalam teks sosial berkerja dengan pihak berkuasa Jepun. Justeru itu aspek anti-kolonialisme di dalam novel-novel Ahmad Boestamam merupakan percikan pemikiran politik beliau yang begitu komited dalam perjuangan membebaskan tanah air daripada belenggu penjajahan kuasa asing.